



**ANDALAH WIRA NEGARA**

# DUTI SETEM

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

1-300-88-3010

## Pengenalan

Duti setem ialah cukai dikenakan ke atas dokumen / surat cara yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949 yang mempunyai kesan perundangan, komersil atau kewangan

## Kepentingan Duti Setem

Dokumen / suratcara hendaklah disetamkan dengan sempurna supaya ia boleh diterima sebagai bukti

## Tempoh Masa Penyeteman

- Dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia
- Dalam tempoh 30 hari selepas ianya pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia

## Jenis Duti

- Duti Tetap
  - Duti dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara.

### Contoh surat cara:

**Surat Kuasa Wakil, Perkara-perkara Persatuan bagi Syarikat, Nota Janji Hutang, Polisi Insurans, surat cara pendua dan sebagainya**

- Duti Ad Valorem
  - Duti dikenakan berdasarkan nilai dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran.

### Contoh surat cara:

**suratcara pindah milik harta tanah, saham, perniagaan, perjanjian sewa, perjanjian pinjaman dan sebagainya**

## Adjudikasi Surat Cara / Dokumen

Permohonan adjudikasi dokumen / surat cara perlu dikemukakan ke Pejabat Setem bagi menentukan amaun duti yang dikenakan

## Kaedah Penyeteman

1. Setem Tertera (mesin frangki/frangki digital)
2. Setem Pelekat – Setem Hasil
3. Resit Rasmi – Kew. 38
4. Resit / Sijil Setem (dijana oleh STAMPS)

## Penalti

1. RM25.00 atau 5% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penyeteman
2. RM50.00 atau 10% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penyeteman
3. RM100.00 atau 20% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 6 bulan selepas tempoh penyeteman